

**PEMINGGIRAN SOSIAL WANITA KETUA ISI  
RUMAH DALAM KOMUNITI NELAYAN  
BANDAR DI JAKARTA UTARA, INDONESIA**

**INDRI INDARWATI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2016**

**PEMINGGIRAN SOSIAL WANITA KETUA ISI  
RUMAH DALAM KOMUNITI NELAYAN  
BANDAR DI JAKARTA UTARA, INDONESIA**

**Oleh**

**INDRI INDARWATI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan Bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2016**

## **PENGHARGAAN**

Puji dan syukur disampaikan ke hadirat Allah SWT, kerana rahmat dan kurnia-Nya, akhirnya saya dapat menyelesaikan tesis ini. Pada kesempatan ini izinkan saya menyampaikan terima kasih kepada mereka yang telah memberi sokongan tidak terhingga kepada saya. Tanpa sokongan daripada mereka tidak mungkin tesis ini boleh diselesaikan dengan baik. Terima kasih saya sampaikan kepada Profesor Dr. Azlinda Azman selaku Dekan dan Penyelia atas arahan, bimbingan, inspirasi, tunjuk ajar, sokongan dan kesabaran dalam menyelia yang diberikan sepanjang tempoh pengajian saya menjalankan tesis ini. Selanjutnya saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dr. M. Fadhil Nurdin yang telah memberi sokongan, bimbingan serta motivasi dan pengajaran yang sangat berharga. Selanjutnya, terima kasih saya sampaikan kepada Dr. Ir. Raden Harry Hikmat, M.Si., dan Mu'man Nuryana, M.Sc, Ph.D., selaku Kepala Badan Pendidikan dan Penelitian Kesejahteraan Sosial Kementerian Sosial Republik Indonesia, dan Drs. Hasbullah, MSi., serta Drs. Gusti Raden Mas Soerjo Darsono, MH., selaku Kepala Pusat Pendidikan dan Pelatihan Kesejahteraan Sosial, yang telah memberi kesempatan dan sokongan biasiswa untuk menempuh pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM). Terimakasih tidak terhingga juga disampaikan kepada Dr. H. Yusnar Yusuf, Drs. H. Mansur, MSi dan Drs. Mumu Suherlan, MSi daripada Kepala Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial; Profesor Adi Fahrudin, PhD atas cadangan dan sokongan untuk melanjutkan pengajian di ijazah kedoktoran (S3) di Universiti Sains Malaysia. Ucapan terimakasih kepada kawan di Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial (Pusdatin Kesos) Jakarta, kawan dari Universiti Sains Malaysia (USM) Junita Batubara, PhD, Yani Hendrayani, Qaisar Khan, PhD., Wanda dan Norafifah,

Ellya Susilowati, PhD., Kumarashwaran Vadevelu, PhD., Dwi Yuliani, PhD., Dra. Lina Favorita, MSi., Meiti Subardhini, PhD., Susilawati, PhD., Rini Hartini Rinda, PhD., Milly Mildawati, PhD., yang telah membantu mula saya belajar dan selalu memotivasi selama saya menjalankan tempoh pengajian. Terimakasih saya ucapkan kepada Sekretaris Lurah Kalibaru, Annie Widya, Pihak Kecamatan, Walikota, Kementerian Sosial, Kementerian Kelautan dan Perikanan atas data dan maklumat yang telah diberikan, sehingga kajian dapat berjalan dengan lancar. Kepada Ibu saya Sri Sundarti, Bapak Nano Suparno, Saudara saya Eko Endarsono dan Erbhayu Prananta, serta anakku tercinta Astrantia Pinka Pranadya terima kasih atas doa, kesabaran, dan pemahaman serta sokongan yang terus-menerus diberikan kepada saya untuk menyelesaikan pengajian ini. Terimakasih semua atas doa yang diberikan, daripada semua saudara, kawan dan sahabat yang tidak mungkin saya sebut seluruhnya. Semoga kebaikan semuanya dibalas oleh Allah SWT.

Penang, Februari 2016

Indri Indarwati

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGHARGAAN .....	ii
ISI KANDUNGAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	ix
SENARAI RAJAH .....	xiii
SENARAI SINGKATAN .....	xv
ABSTRAK .....	xvii
ABSTRACT .....	xix

### **BAB I PENDAHULUAN..... 1**

1.1. Pengenalan .....	1
1.2. Pernyataan Masalah .....	9
1.3. Persoalan Kajian .....	15
1.4. Objektif Kajian .....	16
1.5. Kepentingan Kajian .....	16
1.6. Skop Kajian .....	18
1.7. Susunan Bab Kajian.....	19

### **BAB II SOROTAN LITERATUR..... 20**

2.1. Pengenalan .....	20
2.2. Peminggiran Sosial dalam Konteks Kerja Sosial .....	20
2.2.1. Konsep Peminggiran Sosial .....	21
2.2.2. Dimensi Peminggiran Sosial .....	31
2.2.3. Marginaliti .....	34
2.2.4. Kerja Sosial: Konsep dan Fungsi .....	38

2.2.5. Peminggiran Sosial dalam Aktiviti Kerja Sosial.....	41
2.3. Pemerkasaan .....	43
2.3.1. Konsep Pemerkasaan.....	43
2.3.2. Pemerkasaan dalam Praktis Kerja Sosial .....	51
2.3.3. Wanita sebagai Ketua Isi Rumah (WKIR).....	55
2.3.4. Komuniti Nelayan Bandar.....	60
2.3.5. Pemerkasaan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah .....	62
2.4. Kesejahteraan Sosial.....	68
2.4.1. Konsep Kesejahteraan dan Kesejahteraan Sosial.....	68
2.4.2. Kefungsian Sosial.....	72
2.4.3. Sistem Sumber Kesejahteraan Sosial .....	75
2.5. Rangka Konseptual Kajian.....	78
<b>BAB III METODOLOGI .....</b>	<b>82</b>
3.1. Pengenalan.....	82
3.2. Pendekatan Kajian .....	82
3.3. Jenis Kajian.....	84
3.4. Lokasi dan Komuniti Subjek Kajian .....	86
3.5. Sumber Data .....	88
3.5.1. Sumber Data Primer .....	90
3.5.2. Sumber Data Sekunder.....	92
3.6. Kaedah Pengutipan Data.....	92
3.6.1. Kajian Dokumen .....	93
3.6.2. Pengamatan Penyertaan.....	93
3.6.3. Temu Bual Mendalam.....	94
3.6.4. Perbincangan Kumpulan Fokus .....	95

3.7.	Tempoh Kajian .....	98
3.7.1.	Fasa Awal Kajian .....	98
3.7.2.	Fasa Pertengahan Kajian .....	99
3.7.3.	Fasa Akhir Kajian.....	99
3.8.	Kaedah Pemprosesan dan Analisis Data .....	99
3.8.1.	Reduksi Data .....	100
3.8.2.	Persembahan Data .....	101
3.8.3.	Pengambilan Kesimpulan.....	101
3.9.	Kesahan Data .....	103
3.9.1.	Uji Kredibiliti .....	103
3.9.2.	Uji Transferabiliti.....	104
3.9.3.	Uji Dependabiliti .....	104
3.10.	Etika Penyelidikan .....	105
<b>BAB IV DAPATAN KAJIAN .....</b>		<b>108</b>
4.1.	Pengenalan.....	108
4.2.	Latar Belakang Komuniti .....	109
4.2.1.	Demografi dan Keluasan Komuniti.....	109
4.2.2.	Infrastruktur dan Sumber Utama Ekonomi .....	115
4.2.3.	Politik dan Kerajaan .....	117
4.2.4.	Pendidikan dan Sosial .....	118
4.2.5.	Kekuatan dan Kelemahan Komuniti .....	120
4.3.	Informan Kajian dan Peserta Perbincangan Kumpulan Fokus .....	123
4.3.1.	Informan Kajian .....	124
4.3.2.	Peserta Temu Bual .....	128
4.3.3.	Peserta Perbincangan Kumpulan Fokus.....	129

4.4. Persoalan Kajian 1: Masalah dan Keperluan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah dalam Komuniti Nelayan Bandar.....	132
4.4.1. Masalah Wanita sebagai Ketua Isi Rumah dalam Komuniti Nelayan Bandar .....	132
4.4.2. Keperluan dan Peranan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah dalam Program Pemerkasaan .....	153
4.4.3. Rumusan.....	156
4.5. Persoalan Kajian 2: Bentuk Peminggiran Sosial Wanita sebagai Ketua Isi Rumah.....	159
4.5.1. Peluang Memperolehi Pendapatan .....	164
4.5.2. Berperanan dalam Pembuatan Keputusan.....	168
4.5.3. Akses kepada Institusi Perkhidmatan Sosial.....	169
4.5.4. Budaya Patriarki.....	172
4.5.5. Aktiviti Keagamaan.....	173
4.5.6. Rumusan.....	174
4.6. Persoalan Kajian 3: Aktiviti dan Proses Pemerkasaan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah dalam Masyarakat.....	176
4.6.1. Aktiviti Pemerkasaan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah.....	176
4.6.2. Proses Pemerkasaan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah.....	187
4.6.3. Rumusan.....	213
4.7. Rumusan Keseluruhan .....	214
<b>BAB V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN.....</b>	<b>219</b>
5.1. Pengenalan.....	219
5.2. Perbincangan.....	220
5.2.1. Ciri-ciri Wanita sebagai Ketua Isi Rumah .....	220



5.2.2. Peminggiran Sosial Berkaitan dengan Permasalahan dan Keperluan Wanita Ketua Isi Rumah .....	225
5.3. Model Pemerksaan Wanita sebagai Ketua Isi Rumah untuk Peminggiran Sosial .....	241
5.3.1. Aktiviti Pemerksaan kepada Wanita sebagai Ketua Isi Rumah yang telah Dijalankan.....	243
5.3.2. Proses Pemerksaan kepada Wanita sebagai Ketua Isi Rumah .....	245
5.3.3. Analisis Model Pemerksaan .....	249
5.3.4. Strategi Model Pemerksaan .....	252
5.3.5. Perancangan Model Pemerksaan .....	255
5.3.6. Persoalan Kajian 4: Model Pemerksaan untuk Peminggiran Sosial....	267
5.4. Implikasi dan Sumbangan Kajian.....	276
5.4.1. Implikasi Model Pemerksaan dan Peminggiran Sosial Terhadap Pendekatan Peminggiran Sosial .....	276
5.4.2. Implikasi Model Pemerksaan dan Peminggiran Sosial terhadap Polisi Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan .....	279
5.4.3. Sumbangan Model Pemerksaan dan Peminggiran Sosial kepada Praktis Kerja Sosial .....	282
5.5. Limitasi Kajian .....	285
5.6. Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	286
5.7. Kesimpulan.....	289
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>298</b>

**LAMPIRAN:**

Borang Persetujuan Penyertaan

Borang Maklumat Kajian untuk Institusi

Panduan Kajian Dokumen

Panduan Pengamatan Penyertaan

Panduan Temu Bual Mendalam

Panduan Perbincangan Kumpulan Fokus

Analisis Data dengan Program NVivo

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>
Jadual 2.1      Konsep Peminggiran Sosial, Makna dan Fokus	28
Jadual 2.2      Dimensi Peminggiran Sosial	33
Jadual 2.3      Kategori Utama Alat Analisis Gender	65
Jadual 2.4      Keperluan Praktikal dan Strategik Wanita	66
Jadual 2.5      Matrik Analisis Jaringan Sumber	77
Jadual 3.1      Penerokaan Data Kajian	97
Jadual 4.1      Data Penemuan Kajian tentang Penggantian Tanah Penduduk yang akan diusir	110
Jadual 4.2      Data Penemuan Kajian tentang Lapisan Masyarakat	113
Jadual 4.3      Data Penemuan Kajian tentang Keadaan Pendidikan di Madrasah	119
Jadual 4.4      Data Penemuan Kajian tentang Kelemahan, Kekuatan dan Ancaman kepada Komuniti	120
Jadual 4.5      Demografi Informan di Kawasan Kalibaru	124
Jadual 4.6      Data Penemuan Kajian tentang Ciri-ciri Penerima Bantuan Program Keluarga Harapan (PKH) Berjaya, Gagal, dan Tidak Menerima Bantuan	126
Jadual 4.7      Data Penemuan Kajian tentang Perbandingan Informan yang Berjaya, Gagal dan Belum Memperolehi Bantuan PKH	127
Jadual 4.8      Data Peserta Temu Bual daripada Agensi dan Komuniti	129
Jadual 4.9      Data Peserta Kajian melalui Perbincangan Kumpulan Fokus	130

Jadual 4.10	Data Penemuan Kajian tentang WKIR Bekerja hanya sebagai Suri Rumah	133
Jadual 4.11	Data Penemuan Kajian tentang Aktiviti Wanita sebagai Pengerusi Isi Rumah	135
Jadual 4.12	Data Penemuan Kajian tentang Masalah Beban Kerja	138
Jadual 4.13	Aktiviti Harian Masyarakat di Kawasan Kalibaru	139
Jadual 4.14	Data Penemuan Kajian tentang Aktiviti Produktif	141
Jadual 4.15	Data Penemuan Kajian tentang Aktiviti Reproduktif	144
Jadual 4.16	Data Penemuan Kajian tentang Aktiviti Kerja Komuniti	147
Jadual 4.17	Data Penemuan Kajian tentang Pelaksanaan Keperluan Informan	149
Jadual 4.18	Data Penemuan Kajian tentang Dua Peranan Informan	151
Jadual 4.19	Data Penemuan Kajian tentang Cara Informan Menyelesaikan Masalah	152
Jadual 4.20	Analisis Peranan Keperluan Strategik dan Praktikal WKIR	154
Jadual 4.21	Data Penemuan Kajian tentang Latihan Kemahiran di Kawasan Kalibaru	154
Jadual 4.22	Rumusan Masalah dan Keperluan WKIR di Kawasan Kalibaru	158
Jadual 4.23	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Peminggiran Sosial WKIR Berkaitan Kesamaan Gender	159
Jadual 4.24	Akses, Kawalan dan Faedah WKIR terhadap Sumber dan Aktiviti Pemeraksanaan	161
Jadual 4.25	Data Penemuan Kajian tentang Informan Bergantung daripada Lintah Darat	164

Jadual 4.26	Data Penemuan Kajian tentang Cara Menyelesaikan Masalah Ekonomi Informan	165
Jadual 4.27	Data Penemuan Kajian tentang Tiada Akses WKIR kepada Bantuan daripada Kerajaan	167
Jadual 4.28	Data Penemuan Kajian tentang Aktiviti WKIR Dalam Bidang Politik	168
Jadual 4.29	Data Penemuan Kajian tentang Akses terhadap Sumber	170
Jadual 4.30	Data Penemuan Kajian tentang Ketiadaan WKIR Terlibat dalam Aktiviti Keagamaan	173
Jadual 4.31	Rumusan Bentuk Peminggiran Sosial WKIR	175
Jadual 4.32	Data Penemuan Kajian tentang Pemahaman Informan kepada Bantuan Program Keluarga Harapan (PKH)	180
Jadual 4.33	Data Penemuan Kajian tentang Aktiviti Pemerkasaan WKIR di Kawasan Kalibaru	183
Jadual 4.34	Data Penemuan Kajian tentang Tiada Program Pemerkasaan Bagi WKIR pada Kementerian Sosial RI	185
Jadual 4.35	Data Penemuan Kajian tentang Dialog Mula Kerjasama dalam Masyarakat	188
Jadual 4.36	Data Penemuan Kajian tentang Cara Pemecahan Masalah dalam Masyarakat	189
Jadual 4.37	Data Penemuan Kajian tentang Pemahaman Masalah, Reaksi, dan Penyelesaian Masalah Warga Kalibaru	190
Jadual 4.38	Analisis Strategi Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman (KKPA) kepada Masalah WKIR di Kawasan Kalibaru	192
Jadual 4.39	Analisis Jaringan Sumber di Kawasan Kalibaru	195

Jadual 4.40	Data Penemuan Kajian tentang Hubungan Antara Sumber dalam Komuniti di Kawasan Kalibaru	198
Jadual 4.41	Matrik Analisis Penggunaan Sumber untuk Penyelesaian Masalah WKIR	207
Jadual 4.42	Data Penemuan Kajian tentang Penyelesaian Masalah Bagi WKIR	208
Jadual 4.43	Data Penemuan Kajian tentang Perancangan Aktiviti Penyelesaian Masalah WKIR	210
Jadual 4.44	Data Penemuan Kajian tentang Aduan Masalah Masyarakat	211
Jadual 4.45	Data Penemuan Kajian tentang Keupayaan Berdikari	212
Jadual 4.46	Rumusan Aktiviti dan Proses Pemerkasaan WKIR	213
Jadual 5.1	Rancangan Aktiviti Pemerkasaan WKIR di Kawasan Kalibaru	257
Jadual 5.2	Langkah-langkah Rancangan Aktiviti Pemerkasaan WKIR di Kawasan Kalibaru	262

## SENARAI RAJAH

	<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1. Aspek Peminggiran Sosial	24
Rajah 2.2. Pembaharuan Aspek Peminggiran Sosial	25
Rajah 2.3. Maksud dan Jenis Peminggiran Sosial	29
Rajah 2.4. Agama, Tindakan dan Pemikiran	31
Rajah 2.5. Bagan Pengembangan Masyarakat	45
Rajah 2.6. Konsep Kefungsian Sosial	73
Rajah 2.7. Analisis Jaringan Sumber kepada Klien	76
Rajah 2.8. Rangka Konseptual Kajian	79
Rajah 3.1. Peta Kawasan Kalibaru Wilayah Cilincing Bandar Jakarta Utara	87
Rajah 3.2. Teknik Bola Salju Linear	90
Rajah 3.3. Langkah-langkah Pengumpulan dan Analisis Data Kajian	102
Rajah 4.1. Data Penemuan tentang Lapisan Masyarakat di Kawasan Kalibaru	112
Rajah 4.2. Carta Lapisan Masyarakat di Kawasan Kalibaru	114
Rajah 4.3. Jam Aktiviti Lelaki, WKIR, dan Anak-anak	137
Rajah 4.4. Carta Harapan WKIR di Kawasan Kalibaru	156
Rajah 4.5. Sebaran Institusi di Kawasan Kalibaru	171
Rajah 4.6. Peta Analisis Jaringan Sumber kepada WKIR	197
Rajah 4.7. Bentuk Peminggiran Sosial Wanita Ketua Isi Rumah di Kawasan Kalibaru	202

Rajah 4.8.	Rumusan Peminggiran Sosial, Aktiviti dan Proses Pemeraksanaan WKIR di Kawasan Kalibaru Jakarta Utara	216
Rajah 5.1.	Alur Model Integrasi Sokongan Sosial bagi WKIR di Kawasan Kalibaru	269



## SENARAI SINGKATAN

ADB	<i>Asian Development Bank</i>
BALSEM	Bantuan Langsung Sementara Masyarakat
BBM	Bahan Bakar Minyak
BK3S	Badan Koordinator Kegiatan Kesejahteraan Sosial
BLT	Bantuan Langsung Tunai
BPN	Badan Pertanahan Nasional
BPS	Badan Pusat Statistik
BSM	Bantuan Siswa Miskin
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
DNIKS	Dewan Nasional Indonesia untuk Kesejahteraan Sosial
FCU	<i>Family Care Unit</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
IMB	Izin Mendirikan Bangunan
KJP	Kartu Jakarta Pintar
KKPA	Kekuatan, Kelemahan, Peluang, Ancaman
K3S	Koordinator Kegiatan Kesejahteraan Sosial
KUB	Kumpulan Usaha Bersama
KUD	Koperasi Unit Desa
KUBE/UEP	Kumpulan Usaha Bersama/Usaha Ekonomi Produktif
KUKM	Kumpulan Usaha Kecil Menengah
LK3	Lembaga Konsultasi Kesejahteraan Keluarga
LSM	Lembaga Swadaya Masyarakat (Institusi Bantu Diri)
ORSOS	Organisasi Sosial

PAUD	Pendidikan Anak Usia Dini
PELINDO	Pelabuhan Indonesia
POKMASWAS	Kumpulan Pengawas Masyarakat
PUSKESMAS	Pusat Kesehatan Masyarakat
PKH	Program Keluarga Harapan
PKK	Pembinaan Kesejahteraan Keluarga
PSM	Pekerja Sosial Masyarakat
PSKS	Potensi Sumber Kesejahteraan Sosial
RASKIN	Beras Miskin
RTSM	Rumah Tangga Sangat Miskin
SWOT	<i>Strengths, Weakness, Opportunities, Threats</i>
THR	Tunjangan Hari Raya
UI	Universitas Indonesia
WKIR	Wanita sebagai Ketua Isi Rumah

**PEMINGGIRAN SOSIAL WANITA KETUA ISI RUMAH DALAM  
KOMUNITI NELAYAN BANDAR DI JAKARTA UTARA, INDONESIA**

**ABSTRAK**

Peminggiran sosial dalam kalangan wanita sebagai ketua isi rumah (WKIR) merupakan penghalang bagi mereka untuk berperanan ke arah mencapai pembangunan dan kesejahteraan sosial. Objektif utama kajian ini adalah untuk: 1) mengkaji permasalahan dan keperluan WKIR; 2) menganalisis bentuk peminggiran sosial yang dialami WKIR; 3) menganalisis pelaksanaan aktiviti pemerksaan bagi WKIR; dan 4) mencadangkan model pemerksaan WKIR bagi komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara. Kajian kualitatif dengan penumpuan kepada kajian kes ini melibatkan 10 orang informan dan 20 orang peserta yang terlibat secara langsung dalam perbincangan kumpulan fokus. Kajian ini turut melibatkan pihak berkepentingan yang terdiri daripada wakil Kementerian Kelautan dan Perikanan, Kementerian Sosial, dan kerajaan tempatan. Teknik pengumpulan data adalah melalui temu bual mendalam, perbincangan kumpulan fokus, pengamatan penyertaan dan analisis dokumen. Antara permasalahan utama WKIR adalah berkait rapat dengan anggapan bahawa WKIR hanya berperanan sebagai suri rumah, dibebani dengan kerja domestik berganda sehingga memberi halangan dalam melaksanakan kefungsiian sosial. Keperluan WKIR terdiri daripada keperluan praktikal dan strategik yang dihubungkan dengan program pemerksaan wanita di kawasan Kalibaru iaitu melalui Program Keluarga Harapan (PKH) dan aktiviti pemerksaan wanita, termasuklah latihan kemahiran. Peminggiran sosial yang dihadapi WKIR boleh dilihat daripada empat aspek iaitu kekurangan peluang memperolehi pendapatan untuk memenuhi keperluan harian; WKIR berada pada

kedudukan yang rendah dalam proses pembuatan keputusan; kekurangan akses terhadap institusi perkhidmatan sosial; dan keterbatasan penglibatan dalam aktiviti budaya dan agama. Bentuk pemerkasaan WKIR melalui “Model Integrasi Sokongan Sosial”, telah diperkenalkan dengan melibatkan Unit Penjagaan Keluarga (*Family Care Unit* - FCU). Implikasi model kajian banyak menekankan kepada keperluan pembentukan jaringan institusi dengan kerajaan dan institusi pusat serta tempatan dalam usaha pemerkasaan bersepadu untuk WKIR. Model ini boleh dijadikan asas kepada polisi kerajaan dan seterusnya bertindak sebagai jambatan dalam menghubungkan WKIR dengan pelbagai pihak. Hasil kajian turut memberi penyelesaian alternatif kepada permasalahan WKIR serta mengenal pasti punca berkaitan sasaran perkhidmatan kesejahteraan sosial di Indonesia. Cadangan kajian masa hadapan perlu melihat akan perbezaan peminggiran sosial berasaskan kawasan perkampungan dan bandar; punca peminggiran sosial terhadap kumpulan sasar yang lain; penilaian FCU di kawasan lain dan penilaian “Model Integrasi Sokongan Sosial” secara menyeluruh.

# **SOCIAL EXCLUSION OF FEMALE HEAD OF HOUSEHOLDS IN THE URBAN FISHERMAN COMMUNITY IN NORTH JAKARTA, INDONESIA**

## **ABSTRACT**

Social exclusion of the female head of households (WKIR) is a barrier for them to participate towards social development and well being. The primary objective of this study was to: 1) examine the problems and needs of the female head of households; 2) analyze the various formof social exclusion of the female head of households; 3) analyze the implementation of the empowerment activity for WKIR; and 4) to propose empowerment models for the WKIR fishing community in North Jakarta. This qualitative study emphasized on case study, involving 10 informants and 20 participants participated in the focus group discussions. The study also involved relevant stakeholders, including representatives from the Fishery Ministry, Social Ministry and other local agencies. Data collection techniques include in-depth interviews, focus group discussions, participatory observation and document analysis. Among the problems were related to the assumption that WKIR was only playing the roles as housewives, and was overly burdened with house work, which all led to their social dysfunction. The practical and strategic needs of the WKIR has been connected to the women's empowerment programme in Kalibaru, that is through the *Program Keluarga Harapan* and other form women empowerment activities, including training skills. Social exclusion among the WKIR was observed from four aspects, which comprised the lack of opportunity to earn income to fulfill daily needs; low level in decision making processes; lack of access to social services institutions; and lack of participation in the religious and cultural activities. The empowerment model for the WKIR was through the introduction of the "Social

Support Integration Model” involving the Family Care Unit (FCU). The research model implication was focused on the need for the development of networking with government institutions and the federal, as well as local institutions in order to achieve a more holistic empowerment for the WKIR. This model serves as the baseline for the government policy and can act as the bridge in connecting WKIR to all parties. The study findings too, provide an alternative solution to WKIR problems and is able to identify the root cause of the social services in Indonesia. Future study must look at the different forms of social exclusion based on rural and urban; the causes of social exclusion to other social target groups; the assessment of FCU in other areas; and the evaluation of the “Social Support Integration Model” as a whole.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Wilayah di Indonesia sebahagian besarnya terdiri daripada pantai dan lautan iaitu hampir 67 peratus di mana 9,261 adalah perkampungan atau 13.73 peratus termasuk perkampungan dalam kawasan pantai. Masyarakat di kawasan ini sebahagian besarnya berpendapatan rendah dan miskin di mana kebanyakannya bekerja sebagai buruh nelayan iaitu 2.8 peratus. Terdapat persoalan mengapa masyarakat pinggir laut yang bergantung pada sumber hidupan laut masih lagi hidup dalam kemiskinan Badan Pusat Statistik dan Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial (2011); (Bengen & Rizal, 1999; Hasibuan, AS, & Hamzah, 2003; Kusnadi, 2002).

Kehidupan nelayan di Indonesia berada pada tahap sosioekonomi yang rendah di mana jumlah pendapatannya adalah lebih rendah berbanding dengan buruh petani. Kadar kemiskinan pekerja buruh nelayan juga berada di tahap paling miskin berbanding dengan mereka yang bekerja dalam sektor pertanian. Keadaan ini boleh dilihat semasa musim kemarau, di mana golongan petani masih boleh menggunakan masa terluang mereka dengan aktiviti pertanian, membuat kraf dan barangan lain. Berbeza dengan nelayan, simpanan yang diperolehi semasa menangkap ikan masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan kehidupan harian dalam musim kemarau. Secara fizikal, nelayan tinggal di dalam perumahan miskin dan hanya mempunyai peralatan kerja dan perabut isi rumah sahaja. Walau bagaimanapun terdapat kumpulan pemilik bot dan pemilik modal yang memberi kerja kepada nelayan dan mempunyai kawalan atas pendapatan nelayan. Mereka ini dikenali

sebagai *tauke* dan menikmati keuntungan yang lebih banyak daripada hasil kerja nelayan di mana kebanyakan mereka ini hidup dalam kemewahan, manakala nelayan hidup dalam kemiskinan (Kusnadi, 2002).

Menurut Garis Kemiskinan pada tahun 2010 di Jakarta Utara, pendapatan tahunan bagi golongan miskin adalah berada pada garis pendapatan Rp. 316,673 (Badan Pusat Statistik & Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial, 2011), manakala gaji minima di Jakarta bagi pekerja atau buruh adalah Rp. 115.457 sehari (Gubernur Provinsi DKI Jakarta, 2012). Realiti kajian di kawasan Kalibaru Jakarta Utara menunjukkan bahawa pendapatan pekerja wanita nelayan adalah Rp. 40,000.00 sehingga Rp. 60,000.00 sehari. Keadaan ekonomi pekerja wanita nelayan masih rendah dan perbelanjaan masyarakat yang hidup di pantai adalah terhad.

Dalam Laporan Akhir Peningkatan Institusi dalam Masyarakat Pantai oleh Institut Pertanian Bogor (2000) mengatakan bahawa salah satu punca utama kemiskinan dan ketidakperkasaan dalam komuniti nelayan adalah kerana pengurusan niaga yang tidak efektif, pendidikan dan kemahiran berkaitan dengan perikanan adalah terhad. Masyarakat nelayan digambarkan sebagai masyarakat yang terpinggir (*marginalized*) kerana kekurangan pendedahan terhadap peralatan atau teknologi, ekonomi, sosial mahupun keupayaan menguruskan sumber semula jadi yang sangat terhad. Faktor punca masyarakat terpinggir adalah disebabkan oleh sumber semula jadi yang semakin berkurangan, budaya kurang berjimat dan kurang cekap dalam pengurusan kewangan keluarga, serta struktur ekonomi terutamanya perniagaan yang tidak kondusif untuk kemajuan dan kemakmuran nelayan. Perniagaan udang, ikan, ketam, dan rumput laut sebenarnya mampu menjadi sebuah perniagaan yang boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan lumayan kepada nelayan jika diuruskan dengan



baik. Dalam masyarakat nelayan bukan hanya lelaki yang berperanan dalam memajukan masyarakat, tetapi golongan wanita turut memainkan penting untuk membantu meningkatkan kesejahteraan keluarga (Surya, Saefuddin, & Soemardjo, 2002).

Perhatian kepada wanita miskin menjadi agenda utama di dalam *Millenium Development Goals* (MDGs) yang diadakan oleh United Nation Millenium Summit pada September 2000 (Soetomo, 2009). Terdapat lima komponen matlamat dalam MDGs berkaitan dengan kemiskinan (Hermawati et al., 2012; United Nation, 2014) iaitu: 1) pengurangan penduduk miskin dan kelaparan; 2) peningkatan akses pendidikan asas; 3) kesamaan gender; 4) pengurangan kadar kematian bayi dan anak-anak; 5) pengurangan kematian ibu kerana melahirkan. Sehubungan itu, Indonesia telah melancarkan Program Keluarga Harapan melalui Kementerian Sosial RI bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan wanita miskin khususnya berkaitan kekurangan zat makanan, kematian ibu dan bayi yang tinggi, serta meningkatkan penyertaan anak-anak ke sekolah rendah (Balai Besar Penelitian dan Pengembangan Pelayanan Kesejahteraan Sosial, 2012).

Pada masa kini, wanita merupakan sebahagian daripada penduduk Indonesia yang hampir bersamaan dengan bilangan lelaki iaitu seramai 118,010,413 orang atau 49.70 peratus daripada jumlah penduduk. (Badan Pusat Statistik, 2010). Bilangan penglibatan wanita dalam bidang perikanan telah menjadi penentu kepada kejayaan pembangunan dan memerlukan penyertaan daripada pelbagai masyarakat. Walaupun begitu, ramai daripada mereka yang merupakan pencari nafkah utama kepada keluarga atau ketua isi rumah tidak melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan. Ciri-ciri WKIR adalah wanita yang telah berkahwin ataupun belum dan menjadi

pencari nafkah utama keluarga kerana suami mereka sakit, telah meninggal ataupun bercerai (Menteri Sosial Republik Indonesia, 2012).

Berdasarkan data Susenas Badan Pusat Statistik pada tahun 2010, jumlah WKIR di Jakarta adalah seramai 105,645 atau 2.19 peratus daripada jumlah penduduk wanita dengan peringkat umur antara 31-44 tahun atau 41.04 peratus. Pendidikan tertinggi adalah sebanyak 33.46 peratus yang tamat sekolah rendah dan kebanyakannya berada dalam bidang perkhidmatan iaitu hampir 76.48 peratus (Badan Pusat Statistik & Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial, 2011). Data ini turut menunjukkan bahawa WKIR di Jakarta masih ramai lagi dalam umur produktif dengan pendidikan yang terhad iaitu hanya tamat sekolah rendah dan bekerja dalam perkhidmatan seperti aktiviti perikanan dalam komuniti nelayan bandar. Golongan wanita nelayan ini kebanyakannya dikenalisti tinggal di pesisir pantai Jakarta iaitu di kawasan Jakarta Utara.

WKIR terdiri daripada wanita nelayan, bekerja sebagai pengumpul, pengupas dan penjual kerang, pemproses ikan dan udang, pencari ketam kecil, pemancing ikan, penjual ikan, dan berperanan dalam pemprosesan makanan laut (Asian Development Bank, 2006; Direktorat Pemberdayaan Masyarakat Pesisir, 2001; Hauzer, Dearden, & Murray, 2013; Rubinoff, 1999). Kumpulan ini mempunyai akses yang sangat terhad terhadap sumber dalam masyarakat. Akses yang terhad ini disebabkan wanita dianggap sebagai pelengkap semata-mata dan bukan sebagai pencari nafkah utama, di mana selain menanggung beban isi rumah mereka juga berperanan untuk mencari pendapatan untuk menyara keterusan kehidupan keluarga mereka (Suardiman, 2001).

Kelemahan wanita nelayan adalah kerana mereka kurang keupayaan serta kemahiran dalam pengurusan dan pengetahuan berkaitan dengan perniagaan yang

menjadi punca kurang keupayaan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Masyarakat boleh menggunakan potensi sumber laut dan perikanan sebagai usaha daripada aktiviti pemerkasaan kepada ahli masyarakat seperti memberi pelatihan dan kemahiran mengenai cara menangkap dan memproses ikan dengan melibatkan institusi (Surya et al., 2002).

Pemerkasaan WKIR boleh dalam bentuk pemberian pengetahuan dan latihan kemahiran untuk meningkatkan kefahaman WKIR terhadap perniagaan dan meningkatkan kecekapan mereka untuk menguruskan sumber kewangan mereka. Aktiviti itu dapat mengalami halangan kerana terdapat peminggiran sosial kepada WKIR termasuk pemberian maklumat yang yang terhad.

WKIR berhadapan dengan peminggiran sosial apabila akses kepada program dan aktiviti yang diselenggarakan oleh kumpulan wanita di persekitaran mahupun oleh masyarakat tempatan sangat terhad. Ketidaksamaan gender muncul dalam pelbagai bentuk, salah satunya adalah marginaliti (Fakih, 2004). Marginaliti merujuk kepada perbezaan penerimaan upah dan ketidaksamaan dalam mengakses kemudahan kerja, termasuklah akses kepada program latihan (Scott, 1986). Wanita tidak termasuk dalam kerja bergaji dan tidak dianggap sebagai pencari nafkah utama walaupun mereka sebenarnya menanggung beban kewangan keluarga mereka (Pratiwi, 2009).

Istilah peminggiran sosial merujuk kepada sekumpulan orang miskin, menganggur dan kurang bernasib baik yang tersingkir atau disingkirkan daripada kehidupan masyarakat normal (Batsleer & Humphries, 2000; Sheppard, 2006). *Social Exclusion Unit* sebagai sebahagian daripada komuniti Britain yang terlibat dalam bidang pekerjaan mengungkapkan bahawa peminggiran sosial lebih kepada

kemiskinan dari segi pendapatan, tetapi terdiri daripada pelbagai masalah dalam suatu kawasan, seperti pengangguran, diskriminasi, kemahiran yang terhad, pendapatan yang rendah, perumahan kos rendah, kadar jenayah yang tinggi dan perpecahan keluarga (Social Exclusion Unit, 2004).

Sheppard (2006) menghuraikan definisi di sebalik peminggiran sosial iaitu inti daripada kehidupan kumpulan yang terpinggir atau terpisah secara sosial di mana mereka hidup dalam kemiskinan, menganggur dan hidup dalam kekurangan; tidak dapat memenuhi hak-hak sebagai warganegara; dan kepincangan hubungan sosial. Keadaan ini disebabkan faktor kewangan yang tidak mencukupi, ketidakmampuan atau daripada kumpulan etnik yang berbeza; mereka tersingkir kerana prasangka dalam struktur masyarakat yang lebih luas (Dowling, 1999).

Peminggiran sosial turut disebabkan perbezaan perlakuan terhadap orang atau kumpulan, iaitu setiap manusia berhak menerima perlindungan dan kebajikan. Peminggiran sosial adalah suatu proses peminggiran terhadap pelbagai kumpulan yang didiskriminasi berasaskan etnik, bangsa, agama, orientasi seksual, kasta, keturunan, gender, umur, kecacatan, HIV, migran atau berasaskan lokasi tempat mereka hidup. Mereka juga dipinggirkan kerana lokasi kediaman tidak melibatkan pembangunan (Beall & Piron, 2005).

Berdasarkan penjelasan di atas, di Indonesia peminggiran sosial dalam konteks Kementerian Sosial RI dirujuk sebagai Penyandang Masalah Kesejahteraan Sosial (PMKS) termasuk WKIR yang bukan sahaja mengalami masalah ekonomi, tetapi juga mengalami peminggiran sosial akibat diskriminasi, stigma dan eksploitasi (Suharto, 2009). Walau bagaimanapun dalam praktis kerja sosial, pekerja sosial berusaha untuk meminimalkan peminggiran sosial daripada fokus sasaran dan

melibatkan mereka dalam aktiviti pemeraksanaan dengan tujuan inklusi dan integrasi (Sheppard, 2006).

Definisi peminggiran sosial turut merujuk kepada nilai-nilai kemanusiaan, komitmen, perhatian dan tindakan peminggiran sosial yang perlu dilakukan. Dalam meneroka aktiviti peminggiran sosial, pengkaji telah memperoleh lebih mendalam berkaitan dengan dimensi-dimensi utama daripada kehidupan masyarakat. Dalam fasa ini pengkaji boleh memahami tentang perkara yang boleh diwujudkan berkaitan dengan profesion kerja sosial. Perkhidmatan kerja sosial telah menyumbang kepada penyelesaian masalah berkaitan dengan kesejahteraan sosial, memberi sokongan kepada keluarga dan rakan untuk membantu mengaktifkan semula ahli-ahli masyarakat untuk menjadikan kehidupan lebih baik (Sheppard, 2006).

Secara am peminggiran sosial termasuk sekumpulan orang yang tersingkir atau disingkirkan daripada kehidupan masyarakat normal dengan tidak memperoleh maklumat aktiviti dalam persekitaran. Dalam peminggiran sosial terdapat orang yang hidup dalam kemiskinan dan menganggur akibat didiskriminasi berasaskan etnik, bangsa, agama, orientasi seksual, kasta, keturunan, gender, umur, kecacatan, HIV, migran atau berasaskan lokasi tempat mereka hidup. WKIR merupakan sebahagian daripada kumpulan yang mengalami peminggiran sosial kerana WKIR termasuk dalam penyandang masalah kesejahteraan sosial di Indonesia dan menjadi sasaran dalam perkhidmatan sosial daripada pekerja sosial.

Salah satu bentuk kerja sosial dalam pembangunan masyarakat adalah melalui aktiviti pemeraksanaan. Pemeraksanaan WKIR ertinya bahawa WKIR berdikari dalam mencari nafkah hidup untuk memenuhi keperluan hidup dan ahli keluarga. Keperluan hidup manusia semakin meningkat membuat manusia tidak boleh berdiam diri dan

terus berusaha memenuhi keperluan hidupnya. Baik lelaki mahupun wanita mempunyai tanggungjawab yang sama pada ketika ini.

Program pemerkasaan WKIR daripada Kementerian Sosial RI meliputi pemerkasaan kumpulan usaha sama (KUBE), Bimbingan Kesejahteraan Sosial Keluarga, dan Pusat Pemberdayaan Keluarga (PUSDAKA). Bentuk-bentuk aktiviti pemerkasaan seperti ini berupa peningkatan pendapatan keluarga melalui perniagaan kecil supaya mampu berdikari (Ditjen Pemberdayaan Sosial, 2007). Tujuan aktiviti untuk menambah pendapatan keluarga bagi WKIR melalui kumpulan *usaha ekonomi produktif* dalam bentuk kumpulan ataupun individu agar keperluan hidup boleh dipenuhi. Program datang daripada Kerajaan Pusat bersifat *top down* dengan aspirasi daripada masyarakat (*bottom up*).

Melalui Kementerian Kelautan dan Perikanan pula terdapat aktiviti Pemerkasaan Ekonomi Masyarakat Pesisir (PEMP) yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan masyarakat pesisir melalui pengembangan budaya keusahawanan, pengukuhan institusi, meningkatkan penyertaan masyarakat dan aktiviti ekonomi produktif berasaskan sumber tempatan dan berterusan (Direktorat Pemberdayaan Masyarakat Pesisir, 2005). Antara bentuk aktiviti meliputi seperti unit simpanan pinjaman, bank perkreditan rakyat (BPR) pesisir, *Solar Packed Dealer* untuk nelayan (SPDN) dalam bentuk penjimatan BBM dan penyerapan buruh nelayan, dan Kedai Pesisir yang menjual keperluan harian nelayan untuk memotong rantai pengagihan.

## 1.2. **Pernyataan Masalah**

Data WKIR di Indonesia ternyata berubah-ubah mengikut perkembangan semasa. Dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011, peratusan WKIR telah bertambah sesuai peningkatan umur dan lebih separuh menanggung beban purata empat orang atau lebih (Pusat Data dan Informasi Kesejahteraan Sosial & Badan Pusat Statistik, 2012). Berasaskan data profil kampung Kalibaru Jakarta Utara pada bulan Disember 2012 jumlah WKIR adalah seramai 1,008 KK (Kelurahan Kalibaru, 2012). Jumlah ini agak besar dan berasaskan maklumat daripada masyarakat tempatan yang kebanyakan mereka belum menerima sebarang bentuk program dan aktiviti dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan mereka. Keadaan semakin sukar ketika golongan ini mengalami musim kemarau di mana tiada ikan yang boleh diproses dan dijual sehingga upaya untuk memenuhi keperluan hidup harian menjadi terhad.

Wanita nelayan mempunyai bebanan kerja yang tinggi sekiranya tiba musim menuai seperti mencari ketam kecil, mengupas kerang, mengumpul kerang, memproses ikan masin, membersihkan bot yang baru mendarat, mengumpul ikan kecil, membuat atau memperbaiki jaring, menjual ikan dan membuka kedai (Direktorat Pemberdayaan Masyarakat Pesisir, 2001). Walau bagaimanapun, sekiranya tiba musim kemarau mereka masih mengalami kesukaran untuk memenuhi keperluan hidup harian kerana hasil laut semakin berkurang.

Musim penangkapan kerang dan ketam terbaik pada bulan Julai hingga Disember dan musim kemarau pula pada bulan Februari hingga Julai (Balai Riset Perikanan Laut, 2004). Pada musim kemarau tiada pendapatan yang diharapkan dapat memenuhi keperluan hidup harian kecuali mengurangkan simpanan bagi mereka yang mempunyai wang simpanan (Hasibuan et al., 2003). Aktiviti yang

boleh dilakukan untuk memenuhi keperluan hidup harian bagi WKIR ketika musim kemarau perlu diteroka dalam kajian ini kerana ianya menjadi sebahagian daripada masalah WKIR.

Peminggiran sosial WKIR dalam komuniti nelayan bandar boleh dilihat dari empat dimensi utama iaitu ekonomi, politik, sosial dan budaya (Popay et al., 2008). Dari segi ekonomi, kekurangan pendapatan berada di bawah garis kemiskinan menyebabkan ketidakmampuan memenuhi keperluan hidup harian. Dimensi politik melibatkan polisi dalam menjalankan program dan aktiviti belum semestinya dapat memenuhi keperluan WKIR dalam komuniti nelayan kerana maklumat dan pemahaman terhadap program yang diberikan agak terhad. Popay, Escorel, Hernández, Johnston, Mathieson, and Rispel (2008) menekankan bahawa peminggiran sosial diandaikan sebagai suatu 'keadaan' di mana terdapat orang atau kumpulan yang 'dipinggirkan' daripada sistem dan hubungan sosial, dalam erti luas bermaksud kemiskinan. Dimensi sosial pula berkaitan dengan penglibatan WKIR dalam aktiviti kemasyarakatan. Keupayaan dilihat daripada penglibatan WKIR dalam aktiviti kemasyarakatan dalam komuniti nelayan seperti aktiviti pengajian, PKK, kumpulan kerja, kumpulan niaga bersama, dan aktiviti RT, RW dan kampung. Peranan wanita dilihat dari aspek pembahagian kerja, akses dan kawalan terhadap sumber, penyertaan dalam institusi dan membuat keputusan dalam keluarga (Sumarti & Wahyuni, 2004).

Dimensi budaya pula ada kaitannya budaya patriarki dalam masyarakat. Pendergast dan MacGregory (2007) mengatakan patriarki bermaksud sebagai bentuk peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat untuk golongan lelaki. Golongan lelaki dilihat mempunyai peranan yang lebih dominan daripada wanita (Tadesse, 1982) dan



budaya patriarki secara tidak langsung telah menjejaskan kesamaan dan keseimbangan, di mana dalam budaya ini golongan wanita kurang diambil kira dan akibatnya sering terpinggir. Kajian ini turut melihat sejauhmana pengaruh budaya patriarki dalam kehidupan harian WKIR di kawasan Kalibaru telah menyumbang kepada peminggiran sosial.

Cabaran kehidupan yang dialami oleh WKIR yang miskin adalah ketidakmampuan memenuhi keperluan hidup seperti rumah, makanan, pakaian, pendidikan, dan kesihatan. WKIR mempunyai peranan berganda dalam kehidupannya iaitu selain sebagai pencari nafkah utama juga berperanan sebagai pekerja domestik isi rumah. Oleh itu, WKIR hidup dalam kemiskinan kerana pelbagai keperluan hidup yang tidak dapat dipenuhi dan perlu bekerja secara berganda di dalam dan di luar rumah dengan gaji yang sangat terhad (Burn, 2005; Hubeis, 2006; Raj-Hashim & Heyzer, 1991).

Terdapat kajian sebelum ini telah dijalankan dalam konteks peminggiran terhadap WKIR dan pemeriksaan yang dilakukan. Namun tidak ditemui pembahasan tentang peminggiran sosial kepada WKIR dalam komuniti nelayan bandar. Tiga kajian berkaitan adalah pertama tentang peminggiran dalam industri di Bandung Indonesia daripada Institut Pertanian Bogor tahun 2009; kedua tentang peranan wanita pesisir dalam peningkatan ekonomi keluarga di Tangerang Indonesia daripada Institut Pertanian Bogor; dan ketiga tentang WKIR di perkampungan dari Universiti Gadjah Mada tahun 1994. Dua kajian pertama menitikberatkan peminggiran, pembahagian peranan dan tugas serta gambaran peminggiran sosial di negara berkembang. Kajian ketiga membahas mengenai kemampuan berdikari daripada WKIR yang dilihat dari umur, pendidikan, aktiviti utama dan pendapatan WKIR.

Kajian kualitatif yang bertajuk “Marginalisasi Wanita dalam Industri dan Pengaruhnya kepada Kesejahteraan Keluarga Pekerja di syarikat swasta di Bandung Jawa Barat” yang telah dijalankan oleh Linda Pratiwi pada tahun 2009 melibatkan 60 pekerja telah mendedahkan terdapatnya perbezaan pemberian upah dan jaminan sosial yang disediakan oleh syarikat kepada pekerja lelaki dan wanita. Isu gender berkaitan peminggiran sosial jelas berlaku di mana wanita yang bekerja setiap hari diberikan upah yang rendah berbanding dengan lelaki. Jaminan perubatan bagi pekerja wanita juga lebih rendah berbanding dengan pekerja lelaki di mana keluarga pekerja wanita tidak mendapatkan pembayaran balik untuk ubat dan rawatan (Pratiwi, 2009). Walaupun kajian oleh Linda Pratiwi ini berkaitan peminggiran sosial, kajian yang dicadangkan ini nyata berbeza kerana ianya lebih memfokus kepada permasalahan dan keperluan, bentuk aktiviti yang telah dilakukan serta model pemerkasaan bagi WKIR dalam komuniti nelayan bandar.

Kajian kuantitatif berikut yang bertajuk “Peranan Aktiviti Wanita Pesisir dalam Peningkatan Ekonomi Keluarga Sebuah Kes di Tangerang” yang telah dijalankan oleh TH Any Setyawati pada tahun 2008 melibatkan 60 responden wanita ahli koperasi. Peranan wanita dalam membuat keputusan seperti bekerja, memilih pendidikan untuk anak-anak, membeli aset perniagaan, menyimpan wang dan membeli belah menjadi tugas mereka. Aktiviti sebahagian wanita nelayan adalah sebagai penjual ikan, pemproses ikan atau pengumpul ketam dan kerang. Kajian ini menemukan bahawa terdapat perbezaan dalam menjalankan tugas kehidupan di antara lelaki dan wanita iaitu lelaki hanya berperanan sebagai pencari nafkah dan berinteraksi dengan komuniti tempatan, manakala wanita selain kedua-dua peranan tersebut juga melakukan kerja domestik isi rumah yang membawa beban yang berganda (Setyawati, 2008). Walaupun kajian oleh TH Any Setyawati berkaitan

dengan pembahagian kerja antara lelaki dan wanita dalam kalangan nelayan, kajian yang dicadangkan ini nyata berbeza kerana ianya lebih memfokus kepada proses peminggiran sosial kepada WKIR dan peranan kerja sosial. Pembahasan kajian ini lebih berfokus kepada masalah dan keperluan WKIR khususnya berkait dengan isu gender dan kerja sosial. Peminggiran sosial menjadi isu utama dalam kajian ini, kerana ianya berhubungan dengan akses dan kawalan WKIR terhadap program dan aktiviti pemerksaan wanita di kawasan Kalibaru. Aktiviti pemerksaan sedia ada ini telah diselenggarakan oleh Kementerian Sosial bertujuan memberi perkhidmatan kepada wanita terutamanya WKIR untuk menjaga kesihatan ibu dan anak-anak, serta kelangsungan pendidikan anak-anak.

Kajian kuantitatif ketiga adalah kajian yang dijalankan oleh Siti Partini Suardiman pada tahun 1994 yang bertajuk “Wanita Kepala Rumah Tangga di Pedesaan di Kampung Gombang, Hanjung dan Kateguhan, Boyolali, Jawa Tengah” yang melibatkan 290 responden WKIR di tiga kampung. Kampung yang dipilih adalah kampung autonomi dengan ciri-ciri ketua kampung adalah ketua yang dilantik oleh masyarakat dan bukan dilantik oleh kakitangan kerajaan. Kajian membincangkan kemampuan WKIR yang dapat berdikari dengan melihat dari segi umur, pendidikan, status kerja dan pendapatan.

Kemampuan berdikari bagi WKIR dari segi ‘umur’ menunjukkan bahawa semakin tua umur WKIR, aktiviti mereka semakin menurun dan mereka menarik diri daripada aktiviti masyarakat dan persekitaran seperti tiada mengikuti arisan, aktiviti yang dijalankan oleh PKK atau aktiviti kesenian. Kemampuan berdikari bagi WKIR dari segi ‘pendidikan’ menunjukkan bahawa semakin tinggi taraf pendidikan WKIR, mereka semakin yakin dalam membuat keputusan dan menerima tanggungjawab.

Pendidikan formal lebih berperan dalam kemampuan berdikari, sedangkan pendidikan tidak formal lebih berperan kepada peningkatan pendapatan.

Kemampuan berdikari bagi WKIR dari segi 'status kerja' diperoleh bahwa wanita yang bekerja mempunyai keyakinan sendiri yang lebih daripada wanita yang tidak bekerja. Pekerjaan telah meningkatkan kemampuan dalam membuat keputusan dalam keluarga. Kemampuan berdikari bagi WKIR dari segi 'pendapatan' melihat bahwa WKIR berdikari dengan pendapatan yang semakin meningkat. Pendapatan yang cukup memastikan kelangsungan hidup WKIR (Suardiman, 1994).

Walaupun kajian oleh Suardiman berkaitan dengan WKIR, kajian yang dicadangkan ini nyata berbeza kerana ianya lebih memfokus kepada punca WKIR yang mengalami peminggiran sosial, dan seterusnya menghalang pelaksanaan keperluan harian dan akses kepada kawalan terhadap sumber yang terhad. Di sini terdapat model pemeraksanaan dan peranan pekerja sosial dalam menyelesaikan masalah WKIR.

Ketiga-tiga kajian yang dibincangkan di atas ternyata berbeza dengan kajian yang telah dilakukan penyelidik kerana masih tiada pembahasan berkaitan dengan peminggiran sosial WKIR dalam komuniti nelayan bandar dengan penekanan terhadap bentuk peminggiran sosial, masalah dan keperluan, aktiviti pemeraksanaan yang telah dilakukan dalam komuniti tempatan serta model pemeraksanaan yang perlu untuk meningkatkan kesejahteraan WKIR dalam komuniti nelayan bandar, khususnya di Indonesia. Begitu juga polisi kerajaan yang menjurus kepada pelaksanaan program dan aktiviti pemeraksanaan wanita telah dijalankan di wilayah Kalibaru iaitu Pengolahan dan Pemasaran Hasil Perikanan (P2HP) dengan pemberian sarana dan prasarana kepada nelayan. Selain itu, turut menjadi polisi Kementerian

Sosial berupa aktiviti PKH dengan kumpulan sasaran adalah wanita miskin yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah rendah atau anak-anak kecil termasuk wanita miskin yang sedang mengandung dan nifas. Walau bagaimanapun, dengan adanya polisi dan program bagi membantu memperkasakan wanita di wilayah ini, masih terdapat lagi aspek peminggiran sosial yang dialami oleh golongan wanita ini.

Oleh itu, kajian ini dilihat dapat memberi pemahaman yang lebih menyeluruh serta mendalam berkaitan dengan kehidupan sebenar WKIR yang terdedah dengan isu peminggiran sosial. Sehingga kini juga masih tiada sebarang kajian yang mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan corak pemerksaan yang boleh diberikan dalam usaha membantu meningkatkan lagi kehidupan WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Indonesia.

### **1.3. Persoalan Kajian**

Fokus kajian ini adalah untuk memahami peminggiran sosial yang dialami oleh WKIR yang berada dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara, termasuklah model pemerksaan yang mengikut keinginan komuniti terutama WKIR.

Persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah bentuk permasalahan dan keperluan WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara?
2. Bagaimana bentuk peminggiran sosial yang dialami WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara?
3. Sejauhmana pelaksanaan aktiviti pemerksaan WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara?

4. Bagaimana bentuk model pemerksaan WKIR dalam kalangan komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara?

#### **1.4. Objektif Kajian**

Objektif kajian merupakan jawapan dari persoalan kajian. Tujuan kajian ini untuk:

1. Mengkaji permasalahan dan keperluan WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara
2. Menganalisis bentuk peminggiran sosial yang dialami WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara
3. Menganalisis pelaksanaan aktiviti pemerksaan WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara.
4. Mencadangkan model pemerksaan WKIR dalam komuniti nelayan bandar di Jakarta Utara.

#### **1.5. Kepentingan Kajian**

Kajian peminggiran sosial dengan pemerksaan kepada WKIR dalam komuniti nelayan bandar diharapkan dapat memberi sumbangan dalam bentuk pengembangan model pemerksaan disesuaikan dengan persoalan dan keperluan masyarakat serta ciri-ciri isu peminggiran sosial di kawasan Kalibaru. Pengembangan model pemerksaan diarahkan pada perluasan keupayaan pemasaran, perkembangan ekonomi dan kesejahteraan, memaksimakan peranan institusi informal, peningkatan kesejahteraan keluarga dan perkembangan pengurusan perniagaan (Clarke, 1996).

Hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan menentukan polisi, program dan aktiviti untuk WKIR sesuai dengan masalah dan keperluan, bentuk dan faktor penyebab serta kesan dari peminggiran sosial yang dialami oleh WKIR. Pihak pertubuhan bukan kerajaan seperti institusi atau yayasan tempatan juga berpeluang untuk melakukan aktiviti pemerkasaan berasaskan keperluan WKIR.

Melalui kajian ini diharapkan dapat merumus polisi tentang pengembangan aktiviti pemerkasaan bagi WKIR terhadap usaha kesinambungan fokus sasaran Program Keluarga Harapan (PKH) yang sudah dijalankan di kawasan Kalibaru. PKH merupakan program daripada Kementerian Sosial dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada wanita miskin yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah rendah atau anak-anak kecil termasuk wanita miskin yang sedang mengandung dan nifas. Bentuk bantuan seperti pemberian wang setiap bulan dan diberi setiap tiga bulan dengan jumlah maksima Rp. 800,000.00 setiap tahun. Fokus sasaran dalam program ini adalah wanita miskin dengan ciri-ciri kemiskinan dilihat daripada keadaan fizikal rumah, luas rumah, pemenuhan keperluan makanan, pemenuhan keperluan pakaian, sumber pendapatan, pendidikan tertinggi dan simpanan.

Kajian ini dapat menyumbang kepada pengembangan rangka model praktikal dalam pemerkasaan WKIR dalam komuniti nelayan bandar. Model pemerkasaan yang ditemui dalam kajian kepada WKIR dapat memberi peluang kepada kerajaan untuk memberi perhatian kepada penyandang masalah kesejahteraan sosial di Jakarta, kerana sasaran perkhidmatan sosial individu terdapat dalam perkhidmatan kesejahteraan sosial (Hikmat, 2004).

Kajian peminggiran sosial penting dalam praktis kerja sosial kerana melibatkan perkhidmatan yang boleh diberikan oleh pekerja sosial kepada kumpulan sasar. Terdapat pelbagai aktiviti penglibatan institusi untuk perubahan sosial (Ambrosino, Heffernan, Shuttlesworth, & Ambrosino, 2011) dan peranan pekerja sosial sebahagiannya boleh dilihat dalam aspek membantu mengurangkan kemiskinan, ketidaksetaraan dan peminggiran (Davis, 2007). Hal ini kerana kemiskinan merupakan impak daripada ketidakperkasaan dalam kalangan golongan tertentu, termasuklah wanita (Soetomo, 2009).

Impak ketidakperkasaan lebih luas dialami oleh penyandang masalah kesejahteraan sosial (Hikmat, 2013) diantaranya: 1) Tiada keupayaan untuk memenuhi keperluan asas harian seperti pakaian, makanan, rumah, air bersih, kesihatan dan pendidikan; 2) tidak mampu menjalankan peranan sosial sebagai pencari nafkah, ibu bapa dan sebagai sebahagian daripada masyarakat; 3) tidak mampu menyelesaikan masalah sosial psikologi iaitu konflik peribadi, tekanan, kurang keyakinan diri, masalah keluarga, dan peminggiran daripada persekitaran; 4) tidak dapat membangun potensi diri dan persekitaran seperti tidak mempunyai kemahiran bekerja, kurang yakin dalam niaga, sukar berinteraksi dan akses terhadap maklumat yang terhad; 5) tidak mampu mengatur belanja sendiri.

#### **1.6. Skop Kajian**

Skop kajian berkaitan dengan kawasan kajian, jumlah peserta dan informan. Kajian ini dijalankan di Jakarta Utara iaitu di kampung Kalibaru. Pemilihan lokasi tertumpu di kawasan ini kerana jumlah WKIR seramai 1,008 ketua isi rumah (Kelurahan Kalibaru, 2012). Oleh itu kajian kualitatif ini menekankan kepada kajian kes yang hanya mengambil kira ciri-ciri tempatan nelayan bandar. Teknik pengutipan



data kajian ini terdiri daripada kajian dokumen, temu bual mendalam, perbincangan kumpulan fokus dengan memberi penekanan kepada pembahagian peranan, sumber, peminggiran sosial dan pemeraksanaan.

### **1.7. Susunan Bab Kajian**

Struktur Bab Kajian terbahagi dalam lima bab. Dalam bab satu penyelidik membincangkan pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, limitasi kajian dan susunan bab.

Bab dua membincangkan sorotan karya yang mengandungi pengenalan, kesejahteraan sosial terdiri daripada konsep kesejahteraan, konsep kesejahteraan sosial, kefungsian sosial dan sistem sumber kesejahteraan sosial. Kemudian meneruskan dengan peminggiran sosial dan kerja sosial terdiri daripada konsep peminggiran sosial, dimensi peminggiran sosial, marginaliti, kerja sosial: konsep dan fungsi, serta peminggiran sosial dan konteks kerja sosial. Seterusnya sebahagian pemeraksanaan membincangkan konsep pemeraksanaan, pemeraksanaan dalam praktis kerja sosial, konsep empirikal iaitu WKIR, komuniti nelayan bandar dan pemeraksanaan WKIR. Pembahasan terakhir adalah kajian konseptual.

Bab tiga membincangkan metodologi yang mengandungi pengenalan, pendekatan kajian, jenis kajian, lokasi dan komuniti subjek kajian, sumber data, teknik pengutipan data, tempoh kajian, cara pemprosesan dan analisis data, serta etika penyelidikan.

## **BAB II**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1. Pengenalan**

Bab II menerangkan tiga konsep utama iaitu: 1) memahami konsep peminggiran sosial dalam konteks kerja sosial; 2) pemeraksanaan; 3) kesejahteraan sosial. Pemahaman konsep peminggiran sosial dan kerja sosial terbahagi kepada konsep peminggiran sosial, dimensi peminggiran sosial, marginaliti, kerja sosial: konsep dan fungsi, serta peminggiran sosial dalam konteks kerja sosial. Seterusnya, dalam pemahaman tentang pemeraksanaan, akan diuraikan konsep pemeraksanaan, pemeraksanaan dalam praktis kerja sosial, definisi operasi mengenai WKIR, komuniti nelayan bandar dan pemeraksanaan WKIR. Konsep seterusnya iaitu kesejahteraan sosial yang terbahagi kepada konsep kesejahteraan, kesejahteraan sosial, kefungsi sosial dan sistem sumber kesejahteraan sosial. Akhirnya rangka konseptual kajian untuk model pemeraksanaan WKIR turut dibentangkan.

#### **2.2. Peminggiran Sosial dalam Konteks Kerja Sosial**

Peminggiran sosial merujuk kepada akses dan kawalan yang terhad terhadap sumber serta marginaliti. Di sini dibincangkan mengenai konsep peminggiran sosial, dimensi peminggiran sosial, marginaliti, perkaitannya dengan konsep, fungsi peminggiran sosial dan praktis kerja sosial.

### **2.2.1. Konsep Peminggiran Sosial**

Peminggiran sosial adalah sebuah konsep yang digunakan dalam aktiviti pembangunan masyarakat dan pengajian kemasyarakatan. Peminggiran sosial berkaitan dengan perancangan sosial, analisis polisi sosial dan praktis kerja sosial di banyak negara maju (Samad, 2012). Konsep ini muncul selepas Sidang Kemuncak Sosial Dunia (Konferensi Tingkat Tinggi) di Copenhagen pada tahun 1995. Selepas itu beberapa agensi pembangunan pelbagai hala, khususnya Bank Dunia dan Organisasi Buruh Antarabangsa, mengamalkan peminggiran sosial sebagai rangka kerja pelbagai dimensi. Peminggiran sosial telah memperluaskan analisis mengenai kemiskinan dan memberi tumpuan kepada analisis sebab dan kesan sosial kepada masyarakat. Konsep ini telah mula digunakan oleh Jabatan Pembangunan Sosial di Departemen Pembangunan Antarabangsa Inggeris (DFID). Pada tahun 1997, masyarakat Inggeris menggunakan istilah *Social Exclusion Unit* (SEU) di Pejabat Wakil Perdana Menteri (Beall & Piron, 2005).

Istilah peminggiran merujuk kepada kekurangan dan marginaliti (Batsleer & Humphries, 2000). Kumpulan yang mengalami peminggiran sosial ditetapkan atas dasar etnik, ras, agama, orientasi seksual, kasta, keturunan, gender, umur, kecacatan, HIV, pekerja migran bermasalah, individu yang miskin, anak terbiar, warga tua terbiar, orang tua tunggal, atau berdasarkan penempatan di mana mereka tinggal (Batsleer & Humphries, 2000; Beall & Piron, 2005; Jordan, 1996; Levitas, 1996; G. Room, 1995). Istilah ini juga merujuk kepada pengangguran, kemahiran yang rendah, kekurangan perumahan, tingkat jenayah yang tinggi, kesihatan yang rendah dan perpecahan isi rumah (Bonner, 2006).

Peminggiran sosial meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan. Istilah turut merujuk kepada sekumpulan orang miskin, menganggur dan kurang bernasib baik yang tersingkir atau disingkirkan daripada kehidupan masyarakat biasa (Sheppard, 2006). Terdapat kumpulan Penyandang Masalah Kesejahteraan Sosial atau dikenali sebagai PMKS (Menteri Sosial Republik Indonesia, 2012) di Kementerian Sosial RI, yang terdiri daripada ribuan gelandangan, pengemis, orang kurang upaya, anak-anak jalanan, warga tua terbiar, WKIR yang bukan saja mengalami masalah ekonomi, dan mengalami peminggiran sosial akibat daripada diskriminasi, stigma dan eksploitasi (Suharto, 2009). Pendapat ini disokong oleh Kummitha (2015) yang mengatakan bahawa peminggiran sosial adalah konsep yang membincangkan tentang masalah sosial dan kesan yang muncul. Kedua-dua konsep ini saling berkait rapat di mana fokus sasaran adalah mereka yang mengalami peminggiran sosial. Individu, kumpulan atau masyarakat yang mengalami masalah sosial di Indonesia kerap dirujuk sebagai PMKS.

Peminggiran sosial mengandungi erti sebagai individu, kumpulan atau masyarakat yang kurang bernasib baik dan tersingkir atau disingkirkan daripada kehidupan masyarakat. Kumpulan ini menjadi sasaran daripada program dan aktiviti daripada kerajaan atau masyarakat tempatan. Jenis daripada peminggiran sosial adalah kumpulan yang tersingkir kerana: 1) etnik iaitu peminggiran sosial kepada kumpulan berdasarkan suku bangsa; 2) ras iaitu berdasarkan warna kulit; 3) agama, peminggiran sosial berdasarkan keyakinan individu; 4) orientasi seksual iaitu peminggiran sosial kerana gay atau lesbian; 5) kasta iaitu berdasarkan tingkatan dalam kehidupan sosial dalam agama Hindu; 6) keturunan; 7) gender, berkaitan dengan akses dan kawalan terhadap sumber; 8) umur; 9) orang kurang upaya; 10) HIV; 11) pekerja migran bermasalah; 12) individu yang miskin; 13) anak terbiar; 14)

warga tua terbiar; 15) orang tua tunggal; 16) peminggiran sosial berdasarkan lokasi di mana mereka tinggal. Fokus sasaran ini dalam Kementerian Sosial RI disebut sebagai Penyandang Masalah Kesejahteraan Sosial (PMKS).


Peminggiran sosial sebagai keadaan atau hasil merujuk kepada keadaan di mana individu atau kumpulan tidak boleh berperanan dengan baik dalam masyarakat kerana terdapat perbezaan identiti sosial seperti suku bangsa, gender, etnik, kasta atau agama dan penempatan di kawasan terasing, perang atau konflik. Peminggiran sosial sebagai proses yang dinamik merujuk kepada hubungan sosial dan institusi yang menghalang pencapaian keperluan hidup, pembangunan manusia dan hak-hak yang sama sebagai warganegara. Perkara ini mengakibatkan kemiskinan dan ketidaksamaan, serta menghalang penyertaan sosial.

Peminggiran sosial sebagai suatu proses yang dinamik diatur oleh hubungan sosial dan politik serta akses di dalam institusi kekuasaan. Peminggiran sosial adalah proses dan situasi yang mencegah individu atau kumpulan tertentu untuk berperanan sepenuhnya dalam kehidupan sosial, ekonomi dan politik dan dalam mendapat hak yang berasal dari hubungan peminggiran kekuasaan (Beall & Piron, 2005; Pierson, 2002).

Berasaskan huraian mengenai konsep peminggiran sosial di atas dapat disimpulkan bahawa peminggiran sosial terdiri daripada proses dan hasil. Peminggiran sosial sebagai proses bermakna terdapat halangan daripada institusi dalam pencapaian keperluan hidup, pembangunan manusia dan hak-hak yang sama sebagai warganegara, berertinya terdapat program dan aktiviti yang tidak mencapai fokus sasaran. Peminggiran sosial sebagai hasil merupakan suatu keadaan di mana individu atau kumpulan tidak mampu berperanan sepenuhnya dalam masyarakat

akibat identiti sosial seperti berasal daripada suku bangsa, gender, etnik, kasta atau agama dan lokasi seperti kawasan pedalaman, kawasan perang atau konflik.

Konsep peminggiran sosial dalam bidang pembangunan digambarkan seperti berikut:



Rajah 2.1. Aspek Peminggiran Sosial. Diadaptasi dari *DFID Social Exclusion Review* oleh Beall dan Piron, 2005. London: The London School of Economics and Political Science.

Rajah 2.1 menunjukkan bahawa peminggiran sosial dalam kehidupan ekonomi iaitu terdapat peminggiran dari segi pekerjaan, pasaran kerja dan peluang daripada syarikat dan pelbagai strategi pekerjaan. Seterusnya adalah aspek peminggiran daripada penyertaan dalam kehidupan sosial. Peminggiran sosial tersebut termasuklah akses terhadap infrastruktur dan perkhidmatan, sosial dan perlindungan keselamatan, masyarakat dan kesatuan sosial. Terakhir adalah peminggiran daripada kehidupan politik seperti akses yang terhad kepada institusi, pembuatan keputusan, serta hak dan tanggungjawab sebagai rakyat. Hubungan antara ketiga-tiga faktor mengakibatkan peminggiran sosial yang terlaksana melalui hubungan sosial, politik dan ekonomi.